

PENGELASAN KATA KERJA BAHASA MELAYU: PENDEKATAN SEMANTIK BERDASARKAN *ROLE AND REFERENCE GRAMMAR (RRG)*

*Maslida Yusof
Rogayah A. Razak
Zaharani Ahmad*

Abstrak

Secara tradisinya kata kerja dibahagikan kepada dua golongan, iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Penggolongan sebegini sesungguhnya berdasarkan sifat sintaksis kata kerja tersebut. Kertas kerja ini mencuba untuk memberikan pengelasan kata kerja bahasa Melayu berdasarkan makna leksikal kata kerja tersebut. Pendekatan untuk menggambarkan makna leksikal kata kerja ini ialah pendekatan dekomposisi leksikal yang berdasarkan kelas *Aktionsart*. *Aktionsart* ialah kelas leksikal yang dianggotai oleh suatu kata kerja yang berdasarkan jenis proses, keadaan dan sebagainya, seperti yang dimaksudkan oleh kata kerja tersebut. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini akan mengemukakan satu set ujian sintaksis dan semantik bagi menentukan kelas kata kerja dalam bahasa Melayu dengan rujukan kepada ujian sintaksis sebagaimana yang dianjurkan dalam Teori *Role and Reference Grammar (RRG)*.

Abstract

Traditionally, verbs are divided into transitive verbs and intransitive verbs. This classification is based on the syntactic characteristic of the verbs. This paper attempts to describe the classification of Malay verbs based on the lexical meaning of verbs. The approach to the depiction of the lexical meaning of verbs which will be adopted is lexical decomposition. This system is based on the distinctions in Aktionsart. Aktionsart is a lexical class to which a verb belongs by virtue of the type of process, state, and so forth, that it designates. Thus this paper will

propose a set of syntactic test for determining verbs classes in Malay, with reference to the syntactic test presented in Role and Reference Grammar (RRG).

PENDAHULUAN

Makalah ini mencuba melihat sifat semantik kata kerja bahasa Melayu. Untuk mengetahui sifat dan tingkah laku sesuatu kata kerja, hal ini boleh ditentukan melalui makna kata kerja tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh Hale dan Keyser (1987) bahawa “apa yang membolehkan seseorang penutur menentukan tingkah laku sesuatu kata kerja ialah maknanya”. Kata kerja yang termasuk dalam kelas yang memiliki sifat dan lakuan yang sama yang boleh dijangkakan akan menunjukkan komponen makna yang dikongsi bersama. Dengan memahami sifat dan lakuan kata kerja, kemunculan kata kerja bersama kombinasi argumennya dan adjung dalam berbagai ekspresi sintaksis dalam sesuatu klausa dapat diterangkan.

Representasi makna kata kerja akan ditunjukkan melalui konsep semantik Teori *Role and Reference Grammar* (RRG) oleh Van Valin dan LaPolla (1997), dan Van Valin (2005). Representasi semantik dalam RRG berasaskan representasi predikat, iaitu kata kerja yang berasaskan representasi dekomposisi *Aktionsart*. Kelas *Aktionsart* terbahagi kepada kata kerja keadaan, kata kerja pencapaian, kata kerja penyempurnaan, kata kerja aktiviti dan versi kausatif bagi setiap kelas kata kerja. Representasi bagi dekomposisi kategori *Aktionsart* yang berbeza ini dikenal sebagai “struktur logik” (SL).¹

Teori *Role and Reference Grammar* (RRG)²

RRG telah mengambil dan mengadaptasi sistem dekomposisi leksikal (decomposition lexical) yang dicadangkan oleh Dowty (1979) yang berasaskan klasifikasi kata kerja Vendler (1967), iaitu keadaan, pencapaian,

¹ Makalah ini akan hanya memberikan fokus kepada pengelasan kata kerja, maka itu representasi leksikal untuk kata kerja “struktur logik” tidak akan dibincangkan dalam makalah ini.

² Selepas ini akan ditulis sebagai RRG.

aktiviti dan penyempurnaan.³ Walaupun klasifikasi yang dibuat ini adalah untuk kata kerja bahasa Inggeris, namun penyelidikan terhadap bahasa-bahasa lain telah menunjukkan bahawa perbezaan-perbezaan ini berpusat kepada organisasi sistem kata kerja secara universal.

Kelas *Aktionsart* memberikan perhatian kepada ciri hakiki temporal bagi kata kerja, iaitu keterbatasan (\pm telic),⁴ jangka masa (\pm ketepatan masa) dan kedinamikan (\pm statik).⁵ Ringkasan bagi ciri-ciri kata kerja ini (Van Valin dan LaPolla 1997:93) ditunjukkan di bawah:

- (1)
- a. Keadaan : [+statik], [-titik penamat], [-ketepatan masa]
 - b. Pencapaian : [-statik], [+titik penamat], [+ketepatan masa]
 - c. Penyempurnaan : [-statik], [+titik penamat], [-ketepatan masa]
 - d. Aktiviti : [-statik], [-titik penamat], [-ketepatan masa]

Kata kerja keadaan dan kata kerja aktiviti mempunyai persamaan kerana kedua-duanya tidak terbatas dari segi jangka masa, iaitu kedua-duanya adalah duratif dan tidak pernah mempunyai titik akhir jangka masa. Walau bagaimanapun, kedua-duanya berbeza dari segi kata kerja keadaan yang tidak bersifat dinamik. Kata kerja pencapaian dan penyempurnaan seakan-akan serupa kerana kedua-duanya terbatas dari segi jangka masa. Walau bagaimanapun, kedua-dua kata kerja ini mempunyai perbezaan, iaitu kata kerja pencapaian kurang tempoh masa sebagaimana ditunjukkan oleh ciri [+ ketepatan masa]. Perubahan keadaan ditunjukkan oleh kata kerja pencapaian. Perubahan ini berlaku secara serentak dengan penamat masa. Sementara kata kerja penyempurnaan membenarkan berlakunya perubahan dalam tempoh masa. Dengan kata lain, setiap kelas kata kerja mempunyai ciri yang membezakan satu kelas kata kerja itu dengan kelas

³ Klasifikasi kata kerja oleh Vendler ini dirujuk sebagai *Aktionsart* (bahasa Jerman untuk “bentuk lakuan”). Beliau membincangkan bahawa kata kerja dan elemen predikat yang lain boleh diklasifikasikan berdasarkan ciri inheren temporal (berkaitan dengan masa).

⁴ *Telic* boleh diuraikan di sini sebagai cenderung kepada penamat/pengakhiran yang jelas, pasti, tetap atau tepat. Untuk kajian ini, pengkaji menggunakan istilah “titik penamat” sebagai terjemahan kepada istilah *telic*.

⁵ Kelas kata kerja statik dan bukan statik membezakan kata kerja yang mengekodkan “apa yang berlaku”, sebagai contoh, *Budak itu berlari*. Kita boleh bertanya “Apa yang berlaku?” dan menjawab “Budak itu sedang berlari.” tetapi bagi ayat “Ahmad menjadi guru.”, tidak dapat menjadi jawapan kepada soalan “Apa yang berlaku?”

kata kerja yang lain sebagaimana dinyatakan oleh Van Valin dan LaPolla (1997:92), iaitu:

Kata kerja keadaan ialah kata kerja bukan dinamik dan tidak mempunyai batas/sempadan masa. Kata kerja aktiviti ialah kata kerja dinamik yang juga tidak mempunyai batas/sempadan masa. Kata kerja pencapaian mengenodkan perubahan segera, iaitu melibatkan perubahan keadaan dan juga perubahan dalam aktiviti. Kata kerja ini mempunyai titik penamat yang inheren. Kata kerja penyempurnaan melibatkan perubahan keadaan kepada satu titik penamat yang melibatkan tempoh masa.

Untuk membezakan keempat-empat kelas kata kerja di atas, RRG mengaplikasikan ujian sintaksis dan semantik seperti yang dibincangkan oleh Dowty (1979).⁶ Ringkasan ujian untuk membezakan setiap kelas kata kerja diberikan di bawah.

Jadual 1 Ujian bagi menentukan jenis *Aktionsart*.

Kriteria	Keadaan	Pencapaian	Penyempurnaan	Aktiviti
1. Hadir dengan progresif.	Tidak	Tidak	Ya	Ya
2. Hadir dengan adverba seperti <i>vigorously</i> , <i>actively</i> dll.	Tidak	Tidak	Tidak	Ya
3. Hadir dengan adverba seperti <i>quickly</i> , <i>slowly</i> , dll.	Tidak	Tidak	Ya	Ya

⁶ Dowty (1979) memperkenalkan klasifikasi kata kerja bahasa Inggeris bagi empat jenis aspek sebagaimana yang dicadangkan oleh Vendler (1967), iaitu keadaan, aktiviti, penyempurnaan dan pencapaian. Beliau bukan sahaja memberikan taksonomi bagi kata kerja tetapi juga cuba menerangkan mengapa setiap kategori atau gabungan kategori mempunyai ciri-ciri yang sedemikian (Byong-Seon Yang, 1994). Untuk melihat dengan lebih lanjut Sistem Dowty, lihat Dowty, D.R. 1979. *Word Meaning and Montague Grammar*. Dordrecht: D. Reidel Publishing Company.

Sambungan Jadual 1

Kriteria	Keadaan	Pencapaian	Penyempurnaan	Aktiviti
4. Hadir dengan X <i>for an hour; spend an hour Xing</i>	Ya* ⁷	Tidak	T/Berkaitan ⁸	Ya
5. Hadir dengan X <i>in an hour</i>	Tidak	Tidak*	Ya	Tidak

Sumber Van Valin dan LaPolla 1997.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, bentuk progresif dalam bahasa Inggeris digunakan untuk menguji [-statik, -ketepatan waktu], iaitu ciri bagi kata kerja aktiviti dan kata kerja penyempurnaan [contohnya, *I am walking* (aktiviti), *The snow is melting* (accomplishment)]. Adverba seperti *quickly*, atau *slowly* wujud juga dengan kata kerja [-statik, -ketepatan waktu]. Contohnya, *the shirt is drying slowly* (penyempurnaan). *John is walking slowly* (aktiviti). Adverba seperti *vigorously*, atau *actively* digunakan untuk menguji kedinamikan, iaitu kewujudannya bersama kata kerja aktiviti. Contohnya, *John is eating vigorously*. Kata preposisi seperti *in* dan *for* digunakan untuk menguji tempoh masa. Ujian preposisi *for* mengenal pasti ciri [- statik, -ketepatan waktu], iaitu kata kerja yang wujud dengan frasa seperti *for an hour*. Contohnya *John ran for an hour* (aktiviti), dan **The balloon popped for an hour* (pencapaian). Ujian preposisi *in* mengenal pasti ciri [+ titik penamat], iaitu kata kerja yang wujud dengan frasa seperti *in an hour*. Contohnya, *The snow melted in an hour* (penyempurnaan). **John ran in an hour* (aktiviti). Oleh yang demikian, jika kata kerja wujud dengan *for* dan bukan *in*, kata kerja itu ialah kata kerja aktiviti, dan jika

⁷ Predikat keadaan yang mengekodkan ciri-ciri semula jadi biasanya tidak mengambil *frasa for*, sebagai contoh **Sandy was tall/thin/short/fat for an hour*. Oleh itu, tanda *diberikan bagi menunjukkan ujian ini bermasalah bagi sesetengah predikat keadaan (Van Valin & LaPolla, 1997: 96).

⁸ Van Valin & LaPolla (1997) menganggap ujian ini tidak relevan kepada kata kerja penyempurnaan kerana kata kerja ini mempunyai tempoh masa dan tidak bercirikan ketepatan waktu [-ketepatan waktu], iaitu sebagaimana tujuan utama ujian 3, iaitu membezakan KK [+ketepatan waktu] dan KK [-ketepatan waktu], maka kehadiran frasa *for-* adalah lewah dan tidak memberikan maklumat baharu mengenai penyempurnaan.

kata kerja itu wujud dengan *in* dan bukan *for*, maka kata kerja itu ialah kata kerja pencapaian atau kata kerja penyempurnaan.⁹

Van Valin dan LaPolla (1997) kemudiannya mencadangkan istilah bagi kelas aktif penyempurnaan (active accomplishment), iaitu memisahkan kata kerja penyempurnaan yang asli daripada yang bukan (Toratani, 1997:5). Ciri bagi kata kerja aktif penyempurnaan dijelaskan di bawah:

- (2) aktif penyempurnaan: [-statik] [+ dinamik], [- ketepatan masa] (tak inheren), [+titik penamat]

Van Valin dan LaPolla (1997) dan Van Valin (2005) selanjutnya mengenal pasti kewujudan kelas kausatif bagi setiap kelas *Aktionsart* di atas. Sebagai contoh, kata kerja keadaan “*be afraid*” seperti dalam ayat *The boy is afraid*, mungkin mempunyai ciri kausatif, iaitu keadaan kausatif. Contohnya, “*frighten/scare*” seperti dalam ayat *The dog frightens/scares the boy*. Ataupun kata kerja pencapaian, misalnya “*pop*” sebagaimana dalam ayat *The balloon popped*, mempunyai ciri kausatif, iaitu kausatif pencapaian, contohnya, ayat *the cat popped the ballon*. Dalam Sistem Dowty (1979), kata kerja aktif penyempurnaan dan kausatif digabungkan di bawah kata kerja penyempurnaan, manakala kata kerja pencapaian dan penyempurnaan digabungkan di bawah kata kerja pencapaian. Dengan klasifikasi yang diberikan oleh Van Valin dan LaPolla (1997), kita bukan sahaja berupaya untuk mengasingkan kelas *Aktionsart* bukan kausatif daripada kelas kausatif dan membezakan kata kerja penyempurnaan yang asli daripada kelas yang bukan semula jadinya penyempurnaan bahkan dapat juga memisahkan kata kerja titik penamat kepada kata kerja pencapaian dan penyempurnaan dengan menggunakan dimensi tempoh masa. Berasaskan empat klasifikasi asal *Aktionsart*, akhirnya Van Valin dan LaPolla (1997) mengklasifikasikan kata kerja kepada 10 jenis, iaitu keadaan, aktiviti, pencapaian, penyempurnaan, aktif penyempurnaan, kausatif keadaan, kausatif aktiviti, kausatif pencapaian, kausatif penyempurnaan dan kausatif aktif penyempurnaan. Klasifikasi kata kerja yang dianjurkan oleh Van Valin dan LaPolla (1997) berbeza dengan Dowty (1979) sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 2.

⁹ Untuk perbincangan dan gambaran keseluruhan bagi kelas *Aktionsart* dan ujian-ujian yang digunakan untuk menentukan setiap kelas kata kerja, lihat Van Valin & LaPolla (1997) dan Van Valin (2005).

Jadual 2 Perbezaan klasifikasi kata kerja Van Valin dan Lapolla (1997) dengan versi Dowty (1979).

Kelas Kata Kerja RRG	Dowty (1979)
Keadaan	Keadaan
Aktiviti	Aktiviti
Pencapaian	Pencapaian (tepat masa)
Penyempurnaan	Pencapaian (tempoh masa)
Aktif penyempurnaan	Penyempurnaan
Kausatif keadaan	-
Kausatif aktiviti	-
Kausatif pencapaian	Penyempurnaan
Kausatif penyempurnaan	Penyempurnaan
Kausatif aktif penyempurnaan	-

Sumber Van Valin 2002.

UJIAN-UJIAN DIAGNOSTIK UNTUK MENENTUKAN KELAS PREDIKAT DALAM BAHASA MELAYU

Bahagian ini akan menjelaskan klasifikasi kata kerja bahasa Melayu dengan menggunakan kerangka RRG. RRG mengandaikan bahawa setiap bahasa mempunyai variasinya sendiri terhadap ujian-ujian klasifikasi kata kerja. Berasarkan ujian sintaksis dan semantik yang digunakan untuk mengenal pasti sesuatu kata kerja, maka bahagian ini selanjutnya, akan menunjukkan klasifikasi kata kerja bahasa Melayu yang akan diaplakasikan pada bahagian yang berikutnya.

Hadir dengan Progresif

Progresif merupakan ciri bagi bentuk verbal yang digunakan untuk merujuk lakukan yang sedang berlangsung tanpa memerlukan batasan masa. Berasarkan definisi ini, progresif berfungsi kepada sesuatu yang bukan keadaan tetapi lakukan atau proses. Ujian kehadiran progresif untuk menguji [\pm dinamik] dalam bahasa Melayu kerana ia boleh hadir secara natural dengan kata kerja bukan keadaan tetapi tidak boleh hadir dengan kata kerja keadaan. Dalam bahasa Melayu, penanda yang merujuk kepada perbuatan yang terus berlangsung dan belum selesai, ditandai oleh kata kerja bantu aspek *sedang*, *tengah* (bahasa kolokial untuk *sedang*) dan *masih* (Asmah, 1993:107).

Walaupun kata kerja bantu *sedang* dan kata kerja bantu *masih* merujuk kepada lakuan yang sedang berlangsung, pengkaji mencadangkan kata bantu *sedang* sebagai penanda progresif manakala kata bantu *masih* sebagai penanda kontinuatif (terus-menerus).¹⁰ Pandangan ini menyamai bentuk progresif dalam bahasa Korea. Byong (1994) menunjukkan dalam bahasa Korea ada dua morfem yang dianggap sebagai progresif, iaitu *-ko-iss* dan *-(n)uncwung*. Walau bagaimanapun, Byong (1994) hanya menerima morfem *-(n)ncwungi* sebagai penanda progresif dan *-ko-iss* sebagai morfem kontinuatif. Ini kerana bukti menunjukkan kata kerja keadaan dalam bahasa Korea seperti *al-ta* (mengetahui) dan *kaci-ta* (mempunyai) boleh hadir dengan morfem kontinuatif *-ko-iss* tetapi tidak boleh hadir dengan penanda progresif *-(n)uncwung*. Byong (1994) memetik Y-K.Ko (1982) yang menyatakan bahawa bentuk progresif *-(u)ncwung* hanya boleh hadir dengan kata kerja bukan keadaan sahaja. Misalnya dalam contoh ayat berikut:

(3)

- a. Chelswu-nun acikto ku sasil-ul al-ko-iss-ta
(Chulsoo masih mengetahui fakta itu.)
- b. *Chelswu-nun acikto ku sasil-ul a-nuncwungi-ta
(Chulsoo sedang mengetahui fakta itu.)

Pandangan Byong (1994) boleh digunakan untuk menjelaskan fenomena yang sama dalam bahasa Melayu. Ini adalah kerana, dalam bahasa Melayu, kata kerja keadaan seperti *mengetahui*, *mengingati* dan *mempunyai/memiliki* tidak boleh hadir dengan kata bantu *sedang* tetapi boleh hadir dengan kata bantu *masih*. Misalnya dalam ayat:

(4)

- a. Ahmad *masih* mengetahui perkara itu.
- b. *Ahmad *sedang* mengetahui perkara itu.
- c. Siti *masih* mempunyai barang itu.
- d. *Siti *sedang* mempunyai barang itu.

¹⁰ Asmah Hj. Omar (1993) membezakan “sedang” sebagai merujuk kepada perbuatan yang terus berlangsung dan belum selesai, contohnya, *Jangan bising. Ayah sedang tidur*. Manakala “masih” menunjuk kepada peralihan waktu antara dua perbuatan atau keadaan, contohnya, kawan-kawannya sudah pulang. *Dia masih bermain di padang*. Walau bagaimanapun, pengkaji beranggapan *sedang* sebagai progresif manakala *masih* sebagai kontinuatif.

Kata kerja aktiviti *berlari* boleh menerima kehadiran kedua-dua kata bantu ini seperti yang ditunjukkan dalam (5).

(5)

- a. Adik *masih* berlari.
- b. Adik *sedang* berlari.

Contoh-contoh kata kerja yang boleh hadir bersama-sama bentuk progresif *sedang*:

- a. Tak transitif
berlari, melompat, berjalan, bercakap, menangis, tidur, senyum, terbang
- b. Transitif
menulis, mengajar, menggigit, menari, memakai

Contoh-contoh kata kerja yang tidak boleh hadir bersama-sama bentuk progresif *sedang*:

- a. Keadaan:
Semua predikat adjektif seperti merah, besar, bising, dan cantik.
Kata kerja mengetahui, mempunyai, mempercayai, wujud, tinggal, letih, mati.

Walau bagaimanapun, ada beberapa kata kerja keadaan seperti *berdiri*, *duduk* dan *baring* boleh hadir bersama-sama kata progresif seperti *sedang berdiri*, *sedang duduk* dan *sedang baring*. Kata kerja keadaan ini dilabelkan sebagai predikat “*stage-level*” oleh sebab predikat ini menggambarkan situasi yang tidak semestinya kekal.

- b. Pencapaian:
menyedari, mengenali dan mengingati

Dengan berpandukan fakta di atas, ujian untuk mengenal pasti sama ada kelas kata kerja bahasa Melayu itu boleh hadir dengan kata kerja bantu *sedang* atau tidak, boleh diaplikasikan seperti yang berikut:

Ujian 1:

- | | |
|-------------------------|--|
| a. Keadaan: | *Siti <i>sedang</i> tinggi. |
| b. Pencapaian: | *Kereta api itu <i>sedang</i> sampai. |
| c. Penyempurnaan: | Salji itu <i>sedang</i> cair. |
| d. Aktiviti: | Budak itu <i>sedang</i> berlari di padang. |
| e. Aktif penyempurnaan: | Budak itu <i>sedang</i> berlari ke padang. |

Jadual 3 Hasil Ujian 1 bagi menentukan kelas predikat.

Keadaan	Pencapaian	Penyempurnaan	Aktiviti	Aktif penyempurnaan
Tidak	Tidak	Ya	Ya	Ya

Ujian 1 menunjukkan bahawa progresif *sedang* boleh hadir bersama-sama kata kerja yang bercirikan [+ dinamik] dan [-ketepatan masa], iaitu kata kerja penyempurnaan, kata kerja aktiviti dan kata kerja aktif penyempurnaan.

Hadir dengan Adverba

Ujian 2 adalah untuk menguji sama ada kata kerja boleh hadir dengan adverba seperti *dengan penuh semangat/penuh kesungguhan, dengan aktif* dan lain-lain lagi.

Ujian 2:

- a. Keadaan: *Siti tinggi *dengan penuh semangat/dengan aktif.*
- b. Pencapaian: *Kereta api itu sampai *dengan penuh semangat/dengan aktif.*
- c. Penyempurnaan: *Salji itu cair *dengan penuh semangat/dengan aktif.*
- d. Aktiviti: Budak itu berlari *dengan penuh semangat/dengan aktif.*
- e. Aktif penyempurnaan: Budak itu berlari ke padang *dengan penuh semangat/dengan aktif.*

Adverba *dengan penuh semangat* dan *dengan aktif* boleh memodifikasi lakuan. Ujian 2 menunjukkan bahawa hanya kata kerja aktiviti dan kata kerja aktif penyempurnaan yang boleh menerima adverba *dengan penuh semangat* manakala kata kerja lain tidak boleh menerima adverba tersebut. Ujian ini boleh diaplikasikan kepada bahasa Melayu seperti yang berikut:

Jadual 4 Hasil Ujian 2 bagi menentukan kelas predikat.

Keadaan	Pencapaian	Penyempurnaan	Aktiviti	Aktif penyempurnaan
Tidak	Tidak	Tidak	Ya	Ya

Hadir dengan Adverba Kadar

Ujian 3 adalah yang berkaitan dengan kata kerja [-statik] dan membezakan kata kerja [-ketepatan masa] daripada [+ketepatan masa].

Ujian 3:

- | | |
|-------------------------|---|
| a. Keadaan: | *Siti tinggi <i>dengan perlahannya</i> . |
| b. Pencapaian: | ?Tingkap itu hancur berkecaci <i>dengan perlahannya</i> . |
| c. Penyempurnaan: | Salji itu cair <i>dengan perlahannya</i> . |
| d. Aktiviti: | Budak itu berlari <i>dengan perlahannya</i> . |
| e. Aktif penyempurnaan: | Budak itu berlari ke padang <i>dengan perlahannya</i> . |

Jadual 5 Hasil Ujian 3 bagi menentukan kelas predikat.

Keadaan	Pencapaian	Penyempurnaan	Aktiviti	Aktif penyempurnaan
Tidak	Tidak ¹¹	Ya	Ya	Ya

Hadir dengan Frasa Preposisi *Selama Sejam*

Ujian 4 dan Ujian 5 adalah untuk membezakan kata kerja titik penamat dan bukan titik penamat. Frasa preposisi *selama sejam*, mengenkodkan jangka masa manakala frasa preposisi *dalam masa sejam* mengenkodkan selesai. Dengan yang demikian, Ujian 4 mengasingkan ciri bagi tempoh masa; oleh sebab itu, *selama sejam* boleh digunakan dengan kata kerja keadaan, kata kerja penyempurnaan dan kata kerja aktiviti kerana kesemua kata kerja ini mempunyai tempoh masa, iaitu yang bercirikan [- ketepatan masa] sedangkan kata kerja pencapaian pula bercirikan [+ ketepatan masa].

Ujian 4:

- | | |
|-------------------------|---|
| a. Keadaan: | Mirza tidur selama sejam. |
| b. Pencapaian: | *Gelas itu hancur berderai selama sejam. |
| c. Penyempurnaan: | Salji itu cair selama sejam. |
| d. Aktiviti: | Budak itu berlari selama sejam. |
| e. Aktif penyempurnaan: | Budak itu berlari ke padang selama sejam. |

¹¹ Adverba *dengan perlahan* menandakan proses atau aktiviti yang berlaku dalam jarak waktu yang perlahan/beransur-ansur. Dengan yang demikian, bukan semua kata kerja pencapaian boleh menerima kehadiran adverba ini, ini kerana kata kerja ini bercirikan [+ketepatan waktu].

Jadual 6 Hasil Ujian 4 bagi menentukan kelas predikat.

Keadaan	Pencapaian	Penyempurnaan	Aktiviti	Aktif Penyempurnaan
Ya* ¹²	Tidak	Ya (T/B) ¹³	Ya	Ya (T/B)

Daripada jadual di atas, dapatlah dilihat bahawa kehadiran frasa *selama sejam* boleh digunakan untuk membezakan kata kerja pencapaian dengan kelas kata kerja yang lain dalam bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, kata kerja pencapaian dalam bahasa Melayu berciri [+ ketepatan masa].

Hadir dengan Frasa Preposisi dalam Masa Sejam

Jika sesuatu dilakukan *dalam masa 10 minit* maka rujukan eksplisitnya dikhususkan kepada titik perhentian/penamat bagi sesuatu lakuan/peristiwa. Dengan kata lain, peristiwa itu bermula pada satu titik masa dan berakhir pada 10 minit kemudian. Walau bagaimanapun, jika sesuatu dilakukan *selama 10 minit*, peristiwa yang sama masih lagi boleh berlaku pada masa kemudian. Oleh yang demikian, dalam ayat *Ahmad membaca buku itu dalam masa sejam*, peristiwa yang berlaku itu mula dan tamat dalam ruang waktu satu jam dengan subjek habis membaca buku itu. Manakala dalam ayat *Ahmad membaca buku itu selama sejam*, tidak terdapatnya penunjuk yang menyatakan bila peristiwa itu bermula atau bila pula peristiwa itu berakhir, malah peristiwa yang sama mungkin masih lagi terus berlaku pada masa yang lain. Biasanya, kata kerja keadaan dan kata kerja aktiviti dengan mudah mengambil frasa *selama sejam* oleh sebab kelas kata kerja ini tidak mempunyai titik penamat, iaitu lakuan yang sama boleh berulang. Sementara kata kerja pencapaian dan kata kerja penyempurnaan mengambil frasa *dalam masa sejam* kerana kelas kata kerja ini berciri [+ titik penamat].

¹² Predikat keadaan dalam bahasa Melayu yang bersifat semula jadi seperti *tinggi, gemuk, pendek, kurus* dan sebagainya tidak boleh menerima frasa *selama sejam*, misalnya ayat **Adik gemuk selama sejam*, sehubungan dengan itu, lambang *diberikan bagi menunjukkan bukan semua ayat keadaan boleh menerima frasa *selama sejam*.

¹³ Ujian ini tidak relevan kepada kata kerja penyempurnaan dan aktif penyempurnaan oleh sebab kata kerja ini mempunyai tempoh masa dan tidak bercirikan ketepatan masa [-ketepatan masa], iaitu sebagaimana tujuan utama Ujian 3 (iaitu membezakan KK [+ketepatan masa] dan KK [-ketepatan masa]), maka kehadiran frasa *selama-* adalah lewah dan tidak memberikan maklumat baharu mengenai penyempurnaan.

Walau bagaimanapun, oleh sebab kata kerja pencapaian bercirikan tepat waktu, maka kata kerja ini hanya sesuai dengan frasa *dalam masa* yang merujuk kepada jangka masa yang sangat pendek seperti *dalam sekelip mata* atau *dalam sesaat*. Maka kata kerja ini tidak sesuai dengan frasa *dalam-* yang merujuk kepada jangka masa yang lebih panjang seperti *dalam 10 saat*, *dalam beberapa minit* dan *dalam sejam*. Oleh sebab sifatnya yang sedemikian rupa, maka ditandakan Tidak* pada Jadual 7.

Ujian 5:

- | | |
|-------------------------|--|
| a. Keadaan: | *Adik penat <i>dalam masa sejam</i> . |
| b. Pencapaian: | Tingkap itu hancur berderai dalam sekelip mata/* <i>dalam masa sejam</i> . |
| c. Penyempurnaan: | Salji itu cair <i>dalam masa sejam</i> . |
| d. Aktiviti: | *Kakak menyanyi <i>dalam masa sejam</i> . |
| e. Aktif penyempurnaan: | Budak itu berlari ke padang <i>dalam masa sejam</i> . |

Jadual 7 Hasil Ujian 5 bagi menentukan kelas predikat.

Keadaan	Pencapaian	Penyempurnaan	Aktiviti	Aktif penyempurnaan
Tidak	Tidak	Tidak	Ya	Ya

Berdasarkan Jadual 7, kata kerja pencapaian tidak mengambil frasa *dalam masa sejam* tetapi boleh hadir dengan frasa yang menunjukkan tempoh masa yang sangat singkat seperti *dalam sekelip mata*, misalnya dalam ayat, *Bom itu meletup dalam sekelip mata*. Dalam bahasa Melayu, ada juga kata kerja pencapaian dan kata kerja aktiviti yang hadir bersama dengan frasa *dalam-*, misalnya *Bom itu akan meletup dalam masa sejam* atau *Kakak akan menyanyi dalam masa sejam*. Namun, frasa ini merujuk kepada jangka masa bermulanya lakuan atau peristiwa dan bukan merujuk kepada tempoh masa peristiwa itu berlangsung. Oleh hal yang demikian ia tidak relevan dengan ujian ini.

Jadual 8 Ringkasan ujian-ujian yang dilakukan bagi mengklasifikasikan kata kerja bahasa Melayu.

Kriteria	Keadaan	Pencapaian	Penyempurnaan	Aktiviti	Aktif Penyempurnaan
Hadir dengan progresif sedang	Tidak	Tidak	Ya	Ya	Ya

Sambungan Jadual 8

Hadir dengan adverba seperti <i>dengan penuh semangat</i> dll	Tidak	Tidak	Tidak	Ya	Ya
Hadir dengan adverba seperti <i>dengan perlahan</i> dll	Tidak	Tidak	Ya	Ya	Ya
Hadir dengan <i>frasa selama-</i> (masa sejam)	Ya*	Tidak	Tidak berkaitan	Ya	Tidak berkaitan
Hadir dengan <i>frasa dalam-</i> (masa sejam)	Tidak	Tidak	Ya	Tidak	Ya

Ujian Parafrasa Kausatif

Sesuatu keadaan (state of affair) merangkumi keadaan spontan atau keadaan yang menyebabkan (*induced*). Bahagian di atas telah ditunjukkan kelas *Aktionsart* yang selaras dengan hubungan keadaan yang spontan. Bahagian ini akan menjelaskan ciri kata kerja yang merujuk kepada keadaan “menyebabkan”. Bagi setiap kelas *Aktionsart* asas, terdapatnya kelas kausatif yang selaras dengan keadaan ‘menyebabkan’. Van Valin dan LaPolla (1997) menggunakan ujian parafrasa kausatif untuk membezakan kelas kausatif dengan kelas bukan kausatif. Oleh itu, dalam bahasa Inggeris, kata kerja kausatif boleh diparafrasa dengan frasa “menyebabkan”, sementara kata kerja bukan kausatif tidak boleh berbuat demikian. Sebagai contoh, ayat dengan kata kerja keadaan kausatif *frighten*, sebagaimana dalam ayat *The dog frightened the boy*, boleh diparafrasa sebagai *The dog caused the boy to be afraid*.

Dalam bahasa Melayu, kata kerja seperti *memberi* dan *mengambil* dalam ayat *Ahmad memberi buku itu kepada Ali* dan *Ali mengambil buku itu daripada Ahmad* boleh dianggap sebagai kausatif kerana ayat ini boleh diparafrasa sebagai *Ahmad menyebabkan Ali mempunyai buku itu* dan *Ali menyebabkan Ahmad tidak mempunyai buku itu*.¹⁴ Selain parafrasa, penanda morfologi seperti imbuhan juga memainkan peranan dalam penentuan sama kelas kata kerja itu kausatif atau tidak.

¹⁴ Van Valin (2005) menyatakan bahawa tidak ada ujian sintaksis yang mudah untuk menentukan sama ada secara semula jadinya sesuatu kata kerja itu bersifat kausatif atau tidak melainkan dengan cara parafrasa.

Berhubung dengan kelas kausatif, imbuhan akhiran *-kan*, akhiran *-i*, dan juga apitan *men-* ... *-kan/-i* menjadi penanda untuk membezakan kelas kausatif dan bukan kausatif. Misalnya, kata kerja *pecah* dalam ayat (6) ialah kelas kata kerja pencapaian tetapi apabila diberikan imbuhan apitan *men-* ... *-kan*, kata kerja *pecah* berubah kelas katanya menjadi kata pencapaian kausatif. Ini boleh dibuktikan melalui ujian parafrasa kausatif seperti ayat (7) yang boleh diparafrasa sebagai *Adik menyebabkan belon itu pecah*.¹⁵

(6) Belon itu pecah. (pencapaian)

(7) Adik memecahkan belon itu. (kausatif pencapaian)

Ujian 6 ini boleh diaplikasikan sebagaimana yang berikut:

- | | |
|-----------------------------------|--|
| a. Keadaan: | Adik (berasa) takut. |
| a'. Kausatif keadaan: | Peristiwa hitam itu menakutkan adik. |
| b. Pencapaian: | Tingkap itu pecah. |
| b'. Pencapaian kausatif: | Budak itu memecahkan tingkap itu. |
| c. Penyempurnaan: | Salji itu cair. |
| c'. Kausatif penyempurnaan: | Matahari mencairkan salji itu. |
| d. Aktiviti: | Bola itu bergolek di lantai. |
| d'. Kausatif aktiviti: | Mirza menggolekkan bola itu di lantai. |
| e. Aktif penyempurnaan: | Bola itu bergolek ke padang. |
| e'. Kausatif aktif penyempurnaan: | Mirza menggolekkan bola itu ke padang. |

Kelas kausatif boleh dibezakan daripada kelas bukan kausatif melalui kewujudan parafrasa kausatif sebagaimana dalam (8).

- (8) a. Peristiwa hitam itu menyebabkan adik (berasa) takut.¹⁶
b. Budak itu menyebabkan tingkap itu pecah.
c. Matahari menyebabkan salji itu cair.
d. Mirza menyebabkan bola itu bergolek.
e. Mirza menyebabkan bola itu bergolek ke padang.

¹⁵ Ujian kausatif ini tidak boleh diaplikasikan pada kata kerja yang mempunyai satu argumen dalam bentuk asasnya kerana kita tidak mungkin dapat membuat parafrasa kausatif terhadap satu/seorang peserta.

¹⁶ Ayat parafrasa haruslah mempunyai bilangan FN yang sama sebagaimana ayat asal yang diparafraskan.

Van Valin dan LaPolla (1997) menyatakan bahawa kelas kausatif juga bertindak balas dengan ujian sintaksis dan semantik (sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 8) dengan cara yang sama sebagaimana kelas bukan kausatif. Yang berikut ditunjukkan bagaimana ujian (1-6) diaplikasikan kepada predikat kausatif:

Ujian 1: Hadir dengan progresif

- a. kausatif keadaan: *Peristiwa hitam itu sedang menakutkan adik.
- b. kausatif pencapaian: *Budak itu sedang memecahkan tingkap itu.
- c. kausatif penyempurnaan: Matahari sedang mencairkan salji itu.
- d. kausatif aktiviti: Mirza sedang menggolekkan bola itu di padang.
- e. kausatif aktif penyempurnaan: Mirza sedang menggolekkan bola itu ke padang.

Ujian 2: Hadir dengan adverba

- a. kausatif keadaan: *Peristiwa hitam itu menakutkan adik dengan penuh semangat.
- b. kausatif pencapaian: *Budak itu memecahkan tingkap itu dengan penuh semangat.
- c. kausatif penyempurnaan: *Matahari mencairkan salji itu dengan penuh semangat.
- d. kausatif aktiviti: Mirza menggolekkan bola itu di padang dengan penuh semangat.
- e. kausatif aktif penyempurnaan: Mirza menggolekkan bola itu ke padang dengan penuh semangat.

Ujian 3: Hadir dengan adverba kadar

- a. kausatif keadaan: *Peristiwa hitam itu menakutkan adik *dengan pantas*.
- b. kausatif pencapaian: Budak itu memecahkan tingkap itu dengan sekelip mata (**dengan pantas*).
- c. kausatif penyempurnaan: Matahari mencairkan salji itu *dengan pantas*.

- d. kausatif aktiviti: Mirza menggolekkan bola itu di padang *dengan pantas*.
- e. kausatif aktif penyempurnaan: Mirza menggolekkan bola itu ke padang *dengan pantas*.

Ujian 4: Hadir dengan *frasa selama-* (masa sejam)

- a. kausatif keadaan: *Peristiwa hitam itu menakutkan adik *selama sejam*.
- b. kausatif pencapaian: *Budak itu memecahkan tingkap itu *selama sejam*.
- c. kausatif penyempurnaan: Matahari mencairkan salji itu *selama sejam*.
- d. kausatif aktiviti: Mirza menggolekkan bola itu di padang *selama sejam*.
- e. kausatif aktif penyempurnaan: Mirza menggolekkan bola itu ke padang *selama sejam*.

Ujian 5: Hadir dengan *frasa dalam-* (masa sejam)

- a. kausatif keadaan: *Peristiwa hitam itu menakutkan adik *dalam masa sejam*.
- b. kausatif pencapaian: *Budak itu memecahkan tingkap itu *dalam masa sejam*.
- c. kausatif penyempurnaan: Matahari mencairkan salji itu *dalam masa sejam*.
- d. kausatif aktiviti: Mirza menggolekkan bola itu di padang *dalam masa sejam*.
- e. kausatif aktif penyempurnaan: Mirza menggolekkan bola itu ke padang *dalam masa sejam*.

Ujian 6: Kehadiran parafrasa kausatif

- a. kausatif keadaan: Peristiwa hitam itu menyebabkan adik (berasa) takut.
- b. kausatif pencapaian: Budak itu menyebabkan tingkap itu pecah.
- c. kausatif penyempurnaan: Matahari menyebabkan salji itu cair.
- d. kausatif aktiviti: Mirza menyebabkan bola itu bergolek.
- e. kausatif aktif penyempurnaan: Mirza menyebabkan bola itu bergolek ke padang.

Rumusan Ujian Diagnostik

Jadual 9 menunjukkan hasil daripada ujian diagnostik yang mengenal pasti kelas *Aktionsart* berdasarkan anjuran Van Valin dan LaPolla (1997).

Jadual 9 Ujian diagnostik bagi kelas predikat bahasa Melayu.

Kelas	Ujian 1	Ujian 2	Ujian 3	Ujian 4	Ujian 5	Ujian 6
Keadaan	Tidak	Tidak	Tidak	Ya*	Tidak	Tidak
Aktiviti	Ya	Ya	Ya	Ya	Tidak	Tidak
Pencapaian	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak
Penyempurnaan	Ya	Tidak	Ya	T/B	Ya	Tidak
Aktif penyempurnaan	Ya	Ya	Ya	T/B	Ya	Tidak
Kausatif keadaan	Tidak	Tidak	Tidak	Ya	Tidak	Ya
Kausatif aktiviti	Ya	Ya	Ya	Tidak	Tidak	Ya
Kausatif pencapaian	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Ya	Ya
Kausatif penyempurnaan	Ya	Tidak	Ya	T/B	Ya	Ya
Kausatif aktif penyempurnaan	Ya	Ya	Ya	T/B	Ya	Ya

Keenam-enam ujian ini dapat membezakan kelas kata kerja bagi predikat bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, ujian-ujian ini tidak sempurna kerana bukan semua ujian ini boleh digunakan untuk semua penginterpretasian kata kerja. Ujian-ujian ini sensitif dengan “kesan kemunculan bersama setempat” (*local cooccurrence effects*). Misalnya, jika Ujian 3 diaplikasikan ke atas kata kerja *bergegas* dalam bahasa Melayu untuk menentukan sama ada kata kerja ini mempunyai tempoh masa atau tidak, sebagaimana di bawah ini:

(9) Orang ramai *bergegas* dengan cepat/*dengan perlahan ke pusat perlindungan itu.

Kata adverba *dengan cepat* sesuai dengan kata kerja *bergegas* manakala kehadiran adverba *dengan perlahan* adalah tidak sesuai. Ini merupakan contoh “kesan kemunculan bersama setempat”. Oleh sebab sebahagian daripada makna semula jadi *bergegas* berkaitan dengan darjah kelajuan, maka adverba *dengan perlahan* bertentangan dengan aspek

makna kata kerja *bergegas*. Ketidaksejajaran kata kerja *bergegas* dengan adverba *dengan perlahan* disebabkan oleh aspek makna kata kerja yang tidak berkaitan dengan perkara yang diuji oleh Ujian 3.

Dalam makalah ini, makna kata kerja digambarkan mengikut istilah *Aktionsart* yang bermaksud kata kerja mempunyai jenis *Aktionsart* asas, iaitu bagaimana sesuatu kata kerja itu digambarkan dalam leksikon. Lazimnya, apabila frasa preposisi (FPrep) atau adverba ditambah kepada kata kerja akan mengakibatkan perbezaan interpretasi pada kelas kata kerja dalam konteks keseluruhan klausa (Van Valin dan LaPolla 1997). Misalnya, dalam bahasa Melayu terdapat kelainan kelas bagi *Aktionsart* dalam kata kerja aktiviti. Perhatikan contoh di bawah:

- (10) Sarah berlari di padang.
- (11) Sarah berlari ke padang.

Dalam (10), *berlari* merupakan kata kerja aktiviti tetapi dalam (11), kata kerja *berlari* berciri [- titik penamat] berubah kepada [+ titik penamat], iaitu berkelakuan seperti penyempurnaan. Dengan kata lain, secara semula jadinya *berlari* merupakan kata kerja aktiviti, namun ia boleh bertukar menjadi kata kerja penyempurnaan apabila ia muncul dengan frasa yang menyediakan titik akhir bagi lakuan seperti *ke padang*. Kata kerja cara gerak seperti *berlari* dan *berjalan* merupakan kata kerja aktiviti apabila hadir bersama preposisi posisi *di*. Apabila kata kerja ini ingin menyampaikan maklumat matlamat atau arah maka kata kerja ini hadir dengan preposisi matlamat *ke* yang mengubah kelas kata kerjanya kepada kata kerja aktif penyempurnaan.

Dalam bahasa Melayu, selain FPrep atau adverba, imbuhan juga turut memberi sumbangan dalam penginterpretasian kelas *Aktionsart*. Peranan imbuhan memperlihatkan kata kerja mempunyai lebih daripada satu interpretasi *Aktionsart*. Misalnya, imbuhan *men-* dan imbuhan *men- ... -kan* memainkan peranan dalam membezakan kelas kata kerja sebagaimana yang ditunjukkan di bawah:

- (12) a. Rumah itu *besar*. (keadaan)
- b. Budak itu sedang *membesar*. (penyempurnaan)
- c. Ayah *membesarkan* rumah kami. (kausatif penyempurnaan)

Penanda morfologi untuk menandakan kelas kata kerja bukan sahaja berperanan dalam bahasa Melayu tetapi juga terdapat dalam bahasa-bahasa lain. Misalnya Van Valin dan LaPolla (1997) melaporkan bahawa bahasa Tibeto-Burman di Qiang yang menggunakan penanda morfologi

tə untuk membezakan kelas kata kerja, contohnya: *ba* ‘big’ (keadaan), *tə-ba* “menjadi besar” (penyempurnaan) dan *tə-ba-z* “menyebabkan menjadi besar” (penyempurnaan kausatif).

KESIMPULAN

Makalah ini telah mengutarakan satu set kemungkinan ujian-ujian sintaksis untuk mengenal pasti dan membezakan kelas kata kerja dalam bahasa Melayu yang berdasarkan kelas *Aktionsart*, iaitu kelas yang berasaskan ciri aspek inheren. Bahasa Melayu juga dibuktikan mempunyai kelas kata kerja yang berdasarkan ciri semantik kata kerja tersebut, iaitu dibahagikan kepada 10 jenis yang terdiri daripada empat kelas asas (keadaan, aktiviti, pencapaian dan penyempurnaan); satu kelas aktif penyempurnaan dan versi kausatif bagi setiap kata kerja. Pengelasan kata kerja berasaskan ciri inheren sesuatu kata kerja itu boleh memperlihatkan perkongsian perilaku sesuatu kata kerja dan seterusnya dapat meramalkan sifat sintaksis kata kerja itu.

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Byong-Seon Yang, 1994. “*Morphosyntactic Phenomena of Korean in Role and Reference Grammar: Psych-verb Constructions, Inflectional Verb Morphemes, Complex Sentences, and Relative Clauses*”. Tesis PhD. State University of New York at Buffalo.
- Dowty, R.D., 1979. *Word Meaning and Montague Grammar: The Semantics of Verbs and Times in Generative Semantics and in Montague's PTQ*. Holland: D. Reidel Publishing Company.
- Hale, K.L & S.J.Keyser, 1987. “A view from the Middle”. Lexicon Project Working Papers 10, Center for Cognitive Science, MIT, Cambridge, MA. http://wings.buffalo.edu/socsci/linguistics/research/rrg/rrg_bibliography_chronology.html
- Levin, B & Hovav, R.M., 1998. “Morphology and Lexical Semantics” dlm. Spencer, A & Zwicky M. A. (peny.). *The Handbook of Morphology*, hlm. 248–272. Oxford: Blackwell Publishers Inc.
- Mashudi B.H. Kader, 1981. *The Syntax of Malay Interrogatives*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Toratani, K., 1997. “Typology of Split-intransitivity: Lexical Aspect and the Unaccusative Hypothesis in Japanese”. Tesis M.A. State University of New York at Buffalo.

MASLIDA YUSOF, ROGAYAH A. RAZAK DAN ZAHARANI AHMAD

- The Concise Oxford Dictionary of Linguistics*, 1997. New York: Oxford University Press.
- Van Valin, R., (peny.), 1993. *Advances in Role and Reference Grammar*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Van Valin, R & LaPolla, R., 1997. *Syntax: Structure, Meaning and Function*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Van Valin, R 2003. "A Brief Overview of Role and Reference Grammar di <http://wings.buffalo.edu/linguistics/research/rrg/RRGpaper.pdf>.
- Van Valin, R., 2005. *Exploring the Syntax-semantics Interface*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Vendler, Z., 1967. *Linguistics in Philosophy*. New York: Cornell University Press.